

23 JUN 1997

Bola sepak-Fifa

MALAYSIA MAMPU ANJUR SUKAN BERTARAF DUNIA

PEKAN, 23 Jun (Bernama) -- Kejayaan Malaysia dalam menganjurkan pusingan akhir Piala Dunia Belia yang sedang berlangsung di negara ini membuktikan bahawa negara ini mampu menganjurkan acara sukan bertaraf dunia, kata presiden Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (Fifa) Datuk Joao Havelange hari ini.

"Yang pasti, Sukan Komanwel 1998 yang akan diadakan di Malaysia akan juga mencapai kejayaan," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar di sini.

Havelange diiringi setiausaha agung Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) Datuk Peter Velappan, timbalan presiden FAM Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob semasa pertemuan itu.

Havelange berkata terdapat minat yang mendalam dalam bidang sukan di negara ini seperti yang ditunjukkan dengan pelbagai kemudahan sukan dan Stadium Bukit Jalil di Kuala Lumpur yang sedang dibina bagi Sukan Komanwel.

Beliau juga berkata kesemua enam stadium bagi Piala Dunia Belia memenuhi keperluan Fifa.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada FAM dan rakyat Malaysia kerana telah bekerja keras untuk menjayakan kejohanan itu.

"FAM telah melaksanakan tugas yang cemerlang. Semua pegawai Fifa dan pasukan-pasukan yang mengambil bahagian disambut dengan mesra oleh negara tuan rumah," katanya.

Sementara itu, Sultan Ahmad Shah berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi restu dan sokongan bagi Malaysia untuk menganjurkan Piala Dunia Belia buat kali pertama.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri dari negeri-negeri yang menjadi tuan rumah bagi perlawanan-perlawanan kumpulan kerana sokongan mereka dalam menjayakan acara itu. -- BERNAMA

AZ AKD